



PARLIME



MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIG.A
PARLIMEN KEDUABELAS ?fnn

1 a fsTdfsln Yang Tidak D
Jan Pakw

(MIM*
2^y - ^pO



IKANBUNGAN

**JAWAPAN-JAWAPAN IBAGI PEETANYAAIPPERTANYAAN
JAWAB LISAN YANG Tiidak BAPAT MJAWAIB BIDALAM
DEWAN (SOALAN NO. 8 MINGGA 41)**

NOTA. JAWAPAN-JAWAPAN BAGI SOALAN NO. 1 HINGGA 7

[RUJUK PENYATA RASMI MAMIAN (HANSARD)]

SOALAW MO " 8

PEHBERITAKUAW PERTAEWAAM IOEWAM RAKYAT JAWAPAW OLEH YM.
DAT⁵ SRI LIOW T80M LAI MEIMUERi KESIHATAW MALAYSIA

PERTAE^YA^R : LI! SAM
DARI PAD A : DR. ftISCRAEL JEYARUiAR DEVARAJ
| 8UMGAS SIPUT 3
TARfIKH : 1 NOVEMBER 2010
SOALAN :

Dr, Michael **Jeyakumar** Devaraj [Syngas Siput | rninta MENTERS KE SI (HI AT AN menyatakan mengapa Kementerian Kesihatan telah bercadang pada Disember 2009 untuk membawa skim "Perkhidmatan Pesakit Bayar Penuh" ke 4 buah hospital a warn lagi walaupun Jawatankuasa Kecil PPBP yang dianggotai oleh Pengarah Hospital dan pakar-pakar di Hospital Selayang telahpun mengeluarkan laporan yang mengesyorkan skim PPBP dihentikan.

Tuan Yang di-Pertua,

Skim Perkhidmatan Pesakit Bayar Penuh (*Full Paying Patient Scheme*) dipantau dari semasa ke semasa semenjak ia diperkenalkan pada Ogos 1997 di Hospital Selayang dan Hospital Putrajaya. Berdasarkan pengamatan tersebut, KKM tidak ada keputusan lagi untuk memperluaskan skim ini ke hospital-hospital berpakar yang lain.

Soalan No : 9

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

| | |
|-------------------|---|
| PERTANYAAN | LISAN |
| DARI PAD A | Y.B. TUAN HAJI MOHD NOR BIN OTHMAN (HULU TERENGGANU) |
| T ARIKH | 01.11.2010 |

SOALAN:

Y.B. TUAN HAJI MOHD NOR BIN OTHMAN [HULU TERENGGANU] minta Menteri Pelajaran menyatakan langkah-langkah yang telah diambil sebagai persediaan Pengajaran dan Pembelajaran mata pelajaran Sains dan Matematik dalam Bahasa Kebangsaan.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) telah mengambil langkah-langkah proaktif selaras dengan perubahan dasar Pengajaran dan Pembelajaran Sains Matematik dalam Bahasa Inggeris (PPSMI) dan pelaksanaan dasar MBMMBI yang dijadualkan bermula pada tahun 2012. Perubahan dasar ini akan melibatkan murid-murid yang berada di Tahun 4 dan Tingkatan 4 pada tahun 2012 nanti. Semua aspek yang berkaitan dengan perubahan dasar tersebut telah diambil kira melalui perancangan dan persediaan yang rapi seperti;

Menyediakan Sukatan Pelajaran dan Spesifikasi Kurikulum bagi semua mata pelajaran Sains dan Matematik bagi Tahun 4, Tahun 5, Tahun 6, Tingkatan 4 dan Tingkatan 5 ke dalam bahasa Melayu;

- ii. Penyediaan Kurikulum standard Sekolah Menengah (KSSM) dan Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) termasuk mata pelajaran Sains dan Matematik dalam bahasa kebangsaan. KSSR akan mula dilaksanakan mulai tahun 2017;
- iii. Persekitaran buku teks Matematik dan Sains dan Teknologi dalam bahasa Melayu untuk Tahun 1 telah selesai dan dalam proses penghantaran ke sekolah-sekolah;
- iv. Bagi buku teks Sains dan Matematik dalam bahasa Melayu untuk sekolah rendah dan menengah, KPM sedang dalam proses penyediaan mengikut fasa yang telah ditetapkan;
- v. Kursus dalam perkhidmatan iaitu orientasi KSSR mata pelajaran Sains dan Matematik kepada guru-guru Sains dan Matematik akan dijalankan untuk kesediaan guru-guru melaksanakan dasar baru ini;
- vi. Latihan guru serta peningkatan guru Sains dan Matematik melalui program kursus pemantapan pedagogi guru Sains dan Matematik dalam bahasa Melayu untuk jurulatih kebangsaan, jurulatih utama negeri dan guru-guru Sains dan Matematik; dan
- vii. Pensyarah-pensyarah di Institut Pendidikan Guru dan di Institut Pengajian Tinggi dilibatkan dalam bengkel induksi KSSR mata pelajaran Sains dan Matematik sebagai persediaan melatih guru-guru perkhidmatan.

KPM berkeyakinan langkah yang diatur ini akan dapat melaksanakan dasar tersebut dengan berkesan.

SOALAN NO. 10

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARI PAD A : TUAN MANICKAVASAGAM A/L SUNDRAM

(PKR) (KAPAR)

TARIKH : 1 NOVEMBER 2010 (ISNIN)

SOALAN :

**YB Tuan Manickavasagan a/l Sundram (PKR) (Kapar) minta MENTERI
PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT**

menyatakan statistik warga tua (mengikut gender) dan ibu tunggal bagi 5 tahun
terkini (2005-2010) yang terdapat di seluruh Malaysia mengikut

negeri dan apakah skim-skim serta projek bantuan kebajikan yang telah
disalurkan oleh Kerajaan melalui Kementerian berkaitan untuk mereka.

Jawapan Ini feiah diluiusliari cifeh T.BHo Data⁵ Dr. iCSU, Segala piriclaari peri us
dirujuic semua kepacla pihak Urusetia bagi nioniasfikan tesahiliari rnakfumat.

JAWAPM3:

Tuan Yang Di-Porfdua,

Terlehih dahuki izlnkan saya menjawab pertanyaan rang Berhormat Kapar bersekali dengan pertanyaan Yang Berhormat dari Ampang pada 28 Oktober 2010 kerana pertanyaan tersebut menyentuh isu yang sama.

Tuan Yang DhPertua,

Berdasarkan Band Penduduk dan Perumahan Tahun 2000 oleh Jabatan Perangkaan Malaysia, jumlah warga emas di seluruh negara bagi tahun 2005 adalah seramai 1.73 juta orang, tahun 2006 seramai 1.80 juta orang, tahun 2007 seramai 1.85 juta orang, tahun 2008 seramai 1.93 juta orang, tahun 2009 seramai 2.02 juta orang dan tahun 2010 sehingga bulan September seramai 2.13 juta orang.

Berdasarkan Band Penduduk dan Perumahan Negara Tahun 2000 juga, bilangan sbu tunggal di Malaysia ialah seramai 126,810 orang atau 1.11 peratus daripada 11.4 juta penduduk perempuan tempatan. dumlah ibu

Jawapan ini telah diluluskart oleh Y.Bt% Dato? Dr, t<8iJ. Segala pindaan per ii 1 r11111k:Ritmi 1,11 11k1111nciao 1 tislctJrus©tisi i11ciin©ini 11liti k11t1lcisi h1 ba.ti.tiitlc 11111111...

tunggal yang tertinggi adalah di negeri Selangor dengan jumlah seramai 16,748 orang diikuti negeri Perak seramai 15,969 orang dan negeri Johor seramai 14,790 orang. Manakala Wilayah Persekutuan Labuan mencatatkan bilangan paling sedikit iaitu seramai 162 orang.

Tuan Yang di-Pertua,

Skim bantuan yang disalurkan kepada warga emas dan ibu tunggal adalah seperti berikut:

| Skim Bantuan | Kadar Sebulan | Kriteria Kelayakan |
|---------------------|----------------------|---|
| Bantuan Orang Tua | RM300 | Warga emas berumur 60 tahun ke atas yang miskin dan memerlukan. |
| Bantuan Am | RM80- RM350 | Golongan yang memerlukan berpendapatan bawah RM720 |
| Bantuan Kanak-kanak | RM100- RM450 | Kanak-kanak miskin berumur 18 tahun ke bawah yang tinggal bersama ibubapa/penjaga yang kurang berkemampuan. |

Jawapan ini telah diulaskan oleh Y.B. Datuk Dr. KSU, Setiausaha Persekutuan, kerana keperluan untuk ditinjau semula pelaksanaan Urusetia bagi memastikan kesahihan maklumat

| | Kadar Semula | [Criteria ECfsEayaEcati |
|--------------------------|-----------------------------|--|
| Bantuan Geran Pelancaran | maksimum RM27000 sekaligus. | Penerima bantuan yang produktif dan berminat serius berpotensi untuk maju dengan komuniti dan negara |

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian turut menyedari betapa pentingnya bantuan dan sokongan kepada ibu-ibu tunggal terutamanya dalam meningkatkan status sosio-ekonomi mereka ke tahap yang lebih baik. Justeru, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat melalui Jabatan Pembangunan Wanita (JPW) telah menganjurkan pelbagai program peningkatan kemahiran dan pengupayaan ekonomi khusus untuk ibu-ibu tunggal seperti Projek Agronita, bengkel jahitan dan sulaman, rawatan kecantikan dan saun, bimbingan keusahawanan, kepimpinan, katering dan bakeri.

Salah satu program yang mendapat sambutan baik daripada ibu-ibu tunggal

ialah Program Inkubator Kemahiran Ibu Tunggal atau I-KIT di mana

Jawapari jii! telafi cliliiisltan oliiri YPihfj Dalo" Dr., IPSIP Segala pinctaan per!
cl i r!,i i ll !c S8 m u l a faaiaa da p l ha k U r asatla ban i itiaia asti lea a kaaa h i ha a ma §c l y
m at:.

ibu-ibu tunggal yang berminat untuk menceburi dunia keusahawanan akan dilatih

dan dibimbing dalam 6 bidang kemahiran iaitu seni jahitan, terapi kecantikan, masakan komersil, kraftangan, asuhan kanak-kanak dan pelancongan. Kerajaan juga telah memperuntukkan sebanyak RM30 juta bagi pelaksanaan Program I-KIT dalam Bajet 2011 sebagai tanda keprihatinan dan kesungguhan Kerajaan dalam meningkatkan status sosio- ekonomi ibu-ibu tunggal ke tahap yang lebih baik.

Kementerian telah memperkenalkan pendekatan program-program kebajikan produktif atau, dengan izin, "*Productive Welfare*" bagi membantu penerima bantuan kebajikan termasuk ibu-ibu tunggal ke arah hidup berdikari dan tidak bergantung kepada bantuan selama-lamanya melalui program-program berbentuk pembangunan modal insan di bawah Program 1AZAM. Melalui Program 1AZAM di bawah Bidang Keberhasilan Utama ataupun, dengan izin, '*National Key Result Areas (N-KRAs)*' untuk meningkatkan taraf hidup rakyat berpendapatan rendah (*Low Income Households*), ibu tunggal berpotensi yang ditawarkan penyertaan sama ada melalui AZAM Tani, AZAM Niaga, AZAM Khidmat dan AZAM Kerja turut menerima bantuan modal yang bersesuaian bagi membantu mereka keluar dari kepompong kemiskinan.

Jawapan irii telah ciiiuluskart ©fell Y»E!f§g Data' Dr. XSlf, Segala piridsan perty clrujiik sernula tepatla pihalc Urasetla bagi memastikan kasabihari rnaklurrsat.

SGALAI | HOu

PEMBERITA EUAN PERTANYAAH BEWAN RAKYAT PEETANYAAE I s

LEG AH

DARIPADA : Y.B. TUAN KAMALANATMAH
A/L PANCMANATMAN (HULU SELANGOR)

TARIKH : 1 NOVEMBER 201@ (ISNIN)

SOALANo

Y.Bo TUAN KAMALANATHAN A/L PANCHANATHAN (EHIULU SELANGOR) minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan adakah Kementerian sedar bahawa Jalan Persekutuan yang menghubungkan bandar Rawang ke Serendah melalui Jalan Sungai Choh sering mengalami kesesakan lalu lintas yang teruk. Kesesakan ini menjadi lebih buruk khasnya pada *peak hour*. Apakah tindakan yang boleh diambil oleh pihak kementerian untuk meringankan dan melicinkan kesesakan tersebut.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua;

Kementerian Kerja Raya sememangnya sedar dan mengambil maklum mengenai isu kesesakan dan peningkatan aliran trafik di Jalan Persekutuan 1 (FT01) antara bandar Rawang ke Serendah melalui Sg. Choh, khususnya pada waktu puncak. Berdasarkan Bancian Trafik Kebangsaan 2009, purata trafik harian yang dicatatkan di laluan tersebut ialah sebanyak 30,000 kenderaan sehari.

Sehubungan itu, antara alternatif yang sedang dilaksanakan Kerajaan bagi mengurangkan kesesakan di jalan tersebut ialah menerusi pembinaan Projek

Jalan Pintas Rawang (*Rawang By-Pass*). Sehingga kini fasa pertama sepanjang 18.5 kilometer telah disiapkan dalam Rancangan Malaysia Ke- sembilan (RMKe-9). Skop projek fasa 1 itu melibatkan pembinaan dan naik taraf jalan 4 lorong 2 hala dari persimpangan Sungai Choh hingga ke Taman Warisan Negeri di Templer Park dengan kos sebanyak RM260.5 juta. Dalam RMKe-10 pula, Kementerian Kerja Raya telah mencadangkan pembinaan fasa 2, iaitu melibatkan skop pembinaan *elevated structure* sepanjang 3.3 kilometer melalui Taman Warisan Negeri dengan anggaran kos projek RM397 juta.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dari aspek perancangan jangka panjang pula, Kajian Pelan Induk Pembangunan Rangkaian Jalanraya (HNDP) Fasa 1 telah mengenai pasti keperluan bagi menaik taraf Jalan Persekutuan 1 (FT01) dari Templer Park hingga ke sempadan Negeri Perak. Walau bagaimanapun, pelaksanaan projek ini akan dicadangkan dalam *rolling plan* kedua RMKe-IO.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARI PADA : TUAN HAJI TAIB AZAMUDDEN MD TAIB

[BALING]

TARIKH : 1 NOVEMBER 2010 (ISNIN)

SOALAN:

Minta **MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN** menyatakan apakah Kerajaan sedar bahawa kecurian kabel-kabel telekom masih berleluasa di kebanyakan tempat menyebabkan orang ramai tidak dapat menggunakan kemudahan dan perkhidmatan tersebut sedangkan mereka masih dibebankan bayaran sewa talian dan tindakan saman dikenakan sekiranya gagal membayar.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Kecurian kabel-kabel milik Telekom Malaysia (TM) yang berlaku dan masih berleluasa merupakan satu masalah yang besar dan ia telah beberapa kali dibangkitkan di Dewan yang mulia ini. Pihak TM juga telah sedaya upaya mengambil tindakan yang sewajarnya dengan menjalankan tindakan bersama agensi-agensi penguatkuasaan bagi mengatasi masalah ini, namun ia masih belum dapat diatasi sepenuhnya.

Bagi pelanggan-pelanggan TM yang rnenghadapi masalah gangguan kemudahan perkhidmatan skibat daripada kecurian kabel, pihak TM sememangnya mengambil pendekatan untuk memberikan rebat sewa bagi tempoh perkhidmatan yang tidak dapat diberikan dan kerjasama daripada pihak pelanggsn untuk melaporkan *kes-km y&.m b^rkaifan* amat dihargai bagi membolehkan TM kf<eriyiasat dan mengambil tindakan sewajarnya.

Untuk makluman Yang Berhormat, bagi kawasan di Baling yang terlalu kerap berlaku kecurian kabel, pihak TM tidak lagi menggantikan kabel-

SG'ALA^ MQ>:12

kabel tersebut dan ianya telah diganti dengan mengguna teknologi tanpa wayar - CDMA. Walau pun bsgitu, untuk sesetengah kawasan di Baling, pihak TM ada mengganti semula kabel yang dicuri setelah dikenalpasti kawasan tersebut adalah selamat untuk penggantian semula.

Dalam memangani iso kecurian kabel ini, pihak KPKK juga ingin memohon kerjasama daripada Kementerian Dalam Megeri (KDN), terbabii untuk menyemak semula Akta Sekendhend 1946 bagi memastikan pengusaha-pengusaha barangan lusuh dikenakan hukuman yang lebih berat.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT JAWA PALEMBANG
SOALAN NO. 13
DATO' SRI LIOW TIONG LAI MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN SALLEH BIN KALBI
[SILAM]
TARIKH : 1 NOVEMBER 2010
SOALAN

Tuan Salleh bin Kalbi [Silam] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah Kerajaan bercadang untuk mewujudkan unit perubatan tradisional di setiap hospital Kerajaan bagi menangani kes-kes tertentu terutama berkaitan permasalahan jiwa seperti amok memandangkan perubatan tradisional juga telah dikenalpasti berupaya menangani masalah kesihatan semasa.

Tuan Yang di-Pertua,

Sistem perubatan tradisional dan komplementari adalah merupakan komponen penting dalam sistem penjagaan kesihatan. Dasar Perubatan Tradisional dan Komplementari Kebangsaan telah dibentuk pada tahun 2001 dan dipinda pada tahun 2007. Visi dasar ini adalah untuk mengintegrasikan secara optimum perubatan tradisional dan komplementari ke dalam sistem penjagaan kesihatan kebangsaan bagi mencapai pendekatan holistik dalam meningkatkan kesihatan dan kualiti hidup.

Seiaras dengan visi ini kerajaan telah membuka cawangan perubatan tradisional dan komplementari bagi amalan yang mempunyai bukti saintifik. Unit perubatan tradisional dan komplementari yang pertama telah dibuka di Hospital Kepala Batas pada tahun 2007 diikuti dengan Hospital Putrajaya dan Hospital Sultry Ismail Johor Bahru pada tahun 2008. Pada tahun 2009 tiga lagi unit perubatan tradisional dan komplementari telah dibuka di Hospital Sultanah Nur Zahirah, Hospital Sultanah Aminah, Hospital Sabah dan Hospital Sarawak. Pada tahun ini Kementerian Kesihatan merancang untuk membuka dua unit masing-masing di Hospital Sultanah Bahiyah, Kedah dan Hospital Port Dickson, Negeri Sembilan. Aulas perkhidmatan yang ditawarkan adalah urutan Tradisional Melayu, Urutan post natal, akupunktur,

rawatan herba sebagai rawatan sampingan untuk pesakit barah. Kerajaan berhasrat untuk membuka lebih banyak unit bagi member! peluang rakyat mendapatkan rawatan secara tradisional dan komplementari bagi meningkatkan tahap kesihatan mereka.

Kementerian Kesihatan sedang mengkaji beberapa lagi amalan perubatan tradisional dan komplementari untuk diperkenalkan di hospital integrasi. Ia perlu dibuat dengan teliti dan berhati-hati supaya perkhidmatan yang ditawarkan benar-benar memberi manfaat yang maksimum untuk rakyat.

SOALAN 14

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

| | |
|-------------------|--|
| PERTANYAAN | LSSAN |
| DARI PADA | Y.B. DATO' HAJI WAN ABD RAHIM BIN WAN ABDULLAH [KOTA BHARU] |
| TARIKH | 1 NOVEMBER 2010 |
| SOALAN | Meminta MENTERI PELANCONGAN menyatakan: |

Apakah usaha-usaha yang dijalankan oleh Kerajaan Persekutuan dalam membantu kemajuan sektor pelancongan di Pulau Pinang, Kedah, Kelantan dan Selangor.

JM¥APAPi

njarc Yang dPPertua,

Usaha-uoha yang dplarParf ofeh Perajsan Persekutuarc mafaiui Kems-nterian Pefancongan Malaysia dan Tourism Malaysia daiam memajiskan sektor pelancongan ds negerP rsegers Pulau Pinang, Kedah, Kelantan dan Selangor adalah seperti yang berikut-

Penyaiyrati peryeittokaoi psmbaoguBiaoi projalk pelacongan di feawah R\$1K®~S) (20©i=2®10)

- a) Negeri Pulau Pinang - RM109.85 juta untuk melaksanakan 54 projek
- b) Negeri Kedah - RM115.54 juta untuk melaksanakan 134
- c) Negeri Kelantan - RM46.34 juta untuk melaksanakan 85 projek
- d) Negeri Selangor - RM49.96 juta untuk melaksanakan 61 projek

PelateaGnaan Program-program P@Bain!©@fnigaini

- a) Program Homestay
L Negeri Pulau Psnang - membangunkan 9 perkampungan homestay yang melibatkan 200 peserta. Pelaksanaan program ini telah menjanakan

pendapatan sebanyak RM183,803 bagi pengusaha-pengusaha homestay pada tahun 2010 (Januari - Ogos)

- ii. Negeri Kedah - membangunkan 14 perkampungan homestay yang melibatkan 296 peserta. Pelaksanaan program ini telah menjanakan pendapatan sebanyak RM296,436 bagi pengusaha-pengusaha homestay pada tahun 2010 (Januari - Ogos)
 - iii. Negeri Kelantan - membangunkan 8 perkampungan homestay yang melibatkan 163 peserta. Pelaksanaan program ini telah menjanakan pendapatan sebanyak RM59,200 bagi pengusaha-pengusaha homestay pada tahun 2010 (Januari - Ogos)
 - iv. Negeri Selangor - membangunkan 15 perkampungan homestay yang melibatkan 458 peserta. Pelaksanaan program ini telah menjanakan pendapatan sebanyak RM913,905 bagi pengusaha-pengusaha homestay pada tahun 2010 (Januari - Ogos)
- b) Program Pelancongan Pelajar
- Melaksanakan Program Pelancongan Pelajar (3P) di seluruh negara di mana setakat ini terdapat seramai 670

bijciu belab 3f" ds SePSab Pfcnbhyab dengan <P2i *seminal*
28,016 orang. Bags pecahan kelab 3P 61 empat negeri
tersebot adaiali 71 kelab di Kedah, 35 kelab di Pulau Pirtang.
58 kelab di Selangor dan 108 di Kelantan. Maaabasa junnlah
abli bePb 3P ds seboPb menengab nnegebut negeti adalab
2,840 orang di Kedah, aOO orang di Pylau Pinang, 4,478 di
Selangor dan 3,080 di Kelanian.

c) Pelancaran Acara-acara Nasional

Kementerian Pelancongan Malaysia juga telah menganjurkan
beberapa aeara pelancongan utama pada tahun 2009 yang
members impak yang positif terhadap perkembangan industri
pelancongan khususnya dari aspek pertukaran assng di
mana penganjuran acara-acara pelancongan pada tahun
2009 seperti 'Colours of Malaysia'⁸, 'Malaysia Water Festival',
CitraRasa, 'Malaysia Open Kuala Lumpur' (tenis), dan
'Fabulous Food 1 Malaysia' telah menarik para pefancong
antarabangsa dan domestik ke destinasi di mana acara
tersebut dsadakan.

d) Pembangunan produk baru

Program "*Malaysian Homestay Railway Tourism*"
merupakan satu program kerjasama di antara pihak
Kementerian Pelancongan dengan pihak swasta seperti

Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB) dan agensi-agensi pelancongan dalam mempromosikan produk pelancongan homestay di Malaysia menerusi jaringan laluan kereta api dari Singapura ke laluan Pantai Timur dan Pantai Barat Semenanjung Malaysia. Program ini menawarkan perkhidmatan di mana para pelancong boleh me rasa i pengalaman bermalam dan menggunakan perkhidmatan kereta api sebelum sampai ke destinasi pilihan homestay yang telah dipilih. Majlis Pelancaran “*Malaysian Homestay Railway Tourism*” telah dilancarkan pada 1 Oktober 2010 di Stesen Keretapi Tanjong Pagar, Singapura. Sebanyak sepuluh buah negeri telah terlibat dengan program ini dan di antaranya adalah Negeri Pulau Pinang, Kedah, Kelantgn dan Selangor.

- e) Pengendalian kursus latihan bagi barisan pekerja hadapan

Kementerian telah meneruskan latihan dibawah Program *Malaysia Welcomes The World (MWW)* bagi

[t'erttuyk^tkart jointah tenagy. kepa femp«i«n y&.uy dtiauh di dalam sdustrs pelancongan sebagai usaha untuk menerapkan 'tourism mindset' bagi membolehkan perkiidmatan yang ditawarkan seniiasa menoaapai standard hospitals yang tinggk Modal kursas kd merangkumi aspek porkhidniatan yang unggui, pentrtgkaian £soft skill', serta kebudayaan masyarakat majmuk yang seising dengan konsep . 1 Malaysia. Sehingga Ogos 2010, jumiah pekerja barisan hadapan yang telah dilatih adalah serarnai 479 orang di Kedah, 231 orang do Puiiau Ponang, 382 orang di Selangor dan 112 orang di Keiantan.

f) Penghantaran peserta-peserta *Mega-Familiarization*

Kerajaan Persekutuan turut menganjurkan acara dan program ds empat negeri tersebut meiaiui *Program Mega Familiarization* bagi tujuam untuk membantu dan mempertingkatkan kemajuan sektor pelancongan domestik dan mempromosi produk-produk pelancongan negeri-negeri berkenaan.

DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN LISAN

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN TENG BOON SOON [TEBRAU]

TARIKH 01 NOVEMBER 2010

SOALAN :

Tuan Teng Boon Soon [Tebrau] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil untuk mencegah penipuan atau pencurian hak milik tanah dengan geran tanah palsu dan mengapa berlaku beribu geran tanah tidak dituntut oleh pemohon yang berjaya

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, penipuan dan pemalsuan hakmilik tanah serta hakmilik yang tidak dituntut berlaku di pejabat-pejabat tanah yang merupakan Jabatan di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri. Oleh itu adalah perlu pentadbiran tanah Kerajaan Negeri terlibat mengambil tindakan sewajarnya bagi menyelesaikan masalah ini.

Walaupun begitu Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan (JKPTG) telah membantu pentadbiran tanah Kerajaan-Kerajaan Negeri bagi mengurangkan atau menyelesaikan masalah penipuan pindah milik tanah melalui tindakan-tindakan berikut:

- i, pⁿⁱJbuan Jawatankuasa Teknikal Berse.nia Pentadbiran Tanah (FT) dart Poli& Di Raja Malaysia (PDRM) peringkat Persekutuan dsn di peringkat Negeri baqi m£mantau kes dan mernbantu PDRM mempercepatkan pertuduhan;
- ii. memperkenalkan sistem biometrik (cap jari) di pejabat Pengarah Tanah dan Galian (PTG) Wilay&h P^rsekutuan Kuala Lumpur

dan Pejabat Tanah Temerloh, Pahang, ia adalah sebagai satu projek perintis yang telah berjaya mengurangkan kes penipuan dan sistem ini akan diperluaskan ke lain-lain pejabat tanah, jika cukup peruntukan tahun hadapan;

- iii. mengadakan kerjasama pintar antara JKPTG dan Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) dalam mendapatkan bekalan alat *MyKad Reader* kepada semua Pentadbiran Tanah Negeri;
- iv. mempertingkatkan Sistem Pendaftaran Tanah Berkomputer (SPTB) *Versi 2.8.3 (Baru)* yang mempunyai ciri-ciri *barcode* pada surat hak milik tanah;
- v. memastikan kaunter perserahan menyemak dengan teliti ketulenan dokumen-dokumen yang dikemukakan berhubung dengan pindahmilik tanah terutama yang bernilai tinggi;
- vii. meningkatkan aspek keselamatan pejabat, bilik kebal dan penyelenggaraan dokumen; dan
- viii. memasukkan segera kaveat Pendaftar apabila terdapat aduan kes terhadap sesuatu hakmilik.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pentadbiran tanah telah melaksanakan transformasi mempercepatkan pendaftaran pindah milik tanah dari 30 hari kepada hanya satu hari. Ini dibuktikan dengan prestasi sepanjang bulan Ogos 2010, di mana pencapaiannya adalah sebanyak 98.2% dokumen pindah milik yang telah berjaya didaftarkan dalam masa 1 hari.

Walaupun pentadbiran tanah telah menyiapkan pendaftaran dengan cepat tetapi terdapat kes di mana firma guaman yang mengemukakan perserahan pindah milik tanah gagal mengutip dengan segera dokumen hak milik yang telah siap didaftarkan. Ini disebabkan firma guaman menggunakan khidmat perantara (*runner*) bagi membuat

perserahan dan mengutip hak milik, di mana *runner* hanya akan mengutip hak milik jika jumlahnya banyak. Isu inilah yang menyebabkan kes geran tanah tidak dituntut oleh pemohon yang telah didaftarkan pindahmilik tanahnya.

Dalam mengatasi isu ini, JKPTG telah mengadakan perbincangan dengan Majlis Peguam agar memaklumkan kepada firma guaman supaya menyegerakan kutipan hak milik yang telah siap didaftarkan. Selain itu, pihak pentadbiran tanah berkenaan juga telah memanggil pejabat guaman bagi menerangkan urusan pendaftaran pindah milik tanah dalam masa satu hari dan seterusnya menyerahkan dokumen hakmilik yang telah didaftarkan. Di samping itu, bagi mencegah kelewatan kutipan, beberapa negeri telah mengenakan caj simpanan (*storage charge*). Usaha-usaha ini telah berjaya mengurangkan bilangan dokumen hakmilik yang tidak dikutip.

Sekian, terima kasih

**PEEBERETAHUAM
PERTAMYAAM
o msmrakyat**

PERTAEAAAM SAGS JAWAPAN LISAN

**OARIPAQA DATO⁵ EIAJB MAHFUZ BIN
OMAR**

TARBKH 1 NOVEMBER 2010

SOALAN 16

Dato' Haji Mahfuz Bin Omar (Pokok Sena) minta MENTERI PENGAWC3KUTAW menyatakan atas asas apakah JPJ enggan menerima pembaharuan cukai jalan, lesen memandu dan pendaftaran kenderaan baru bagi nama-nama yang disenarai hitam oleh PDRM.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,
Kerajaan berpandangan bahawa pendekatan untuk menyekat urusanniaga atau senarai hitam akan dapat membantu usaha untuk mendisplinkan pemandu, memupuk rasa hormat kepada undang-undang dan seterusnya menurunkan kadar kemalangan jalan raya. Dengan melaksanakan senarai hitam tersebut, urusanniaga pembaharuan Lesen Memandu dan Lesen Kenderaan Motor atau *road tax* disekat sehingga saman tertunggak tersebut diselesaikan. Sehingga 22 Oktober 2010, sejumlah 864,698 saman yang tertunggak telah diselesaikan.

Sebagaimana yang telah diperuntukkan di bawah Seksyen 17 dan Seksyen 29 Akta Pengangkutan Jalan 1987 (APJ), Jabatan Pengangkutan Jalan boleh

melaksanakan sekatan urusan-ususiaga tersebut sekiranya terdapat perkara atau hal yang belum selesai atau terdapat apa-apa pelanggaran atau kesalahan yang masih belum diselesaikan dengan JPJ atau Polis.

**DEmm PAKYAI PEIIBERfIAHUAM
PERTAMYAAM IIESYUAPAI PEIBGA, PENOGAL
KET10A PARUJ61EM KEDUA BELAS _____**

pPLY

PEiAEAAAAP : LiSAH

DAHEPADA : Y.B. DAT UPHALIM! AHBEWTFi MQEB 8ADGQUE
(TEMOGARA)

TARiKH : 1 WOYEMBER2Q10 (S8NSN)

SOALAM :

Dafuik HaSSmah bints Mohd Sadiqu© | Tenggara j minta PERDAIMA HEWTERS menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil oleh Lembaga Tabung Haji (Tabung Haji) bagi memastikan pertumbuhan deposit adalah sama dengan pertumbuhan pendapatan dan keuntungan bagi memastikan pendeposit Tabung Haji mendapat pulangan pelaburan yang maksima.

JAWAPAM: (Y.B. SENATOR iIEJAR JEMERAL DATO¹ SERI JAMIL KH1R BUM HAJI BAHAROii (B), MEMTER1 DI JABATAN PERDANA S1EMTER1)

Tuan Yang di-Pertua,

Adalah menjadi tanggungjawab Lembaga Tabung Haji (TH) untuk memastikan semua pelaburan yang dilakukan dapat melindungi nilai simpanan pendeposit. Untuk memastikan mendapat pulangan pelaburan yang maksimum, simpanan pendeposit dilaburkan dalam sektor-sektor yang berdaya saing dan mempunyai pulangan yang menarik. Sehingga kini TH mampu memberikan pulangan dividen kepada pendepositnya setanding dengan instrumen pelaburan yang lain.

Bagi memastikan pendeposit mendapat keuntungan yang maksimum, Pengurusan TH sentiasa berusaha mencari jalan untuk pencapaian matlamat ini. Antaranya:

1. Memastikan alokasi aset yang berkesan untuk memberikan pulangan yang maksimum, iaitu ekuiti, sekuriti pendapatan tetap, hartanah dan pasaran wang. *Alokasi pelaburan lebih tinggi dalam ekuiti dan sekuriti pendapatan tetap ialah kerana kedua-dua aset pelaburan ini memberikan kadar pulangan yang lebih tinggi berbanding aset-aset yang lain.*
2. Meningkatkan pelaburan dalam sektor-sektor yang berdaya maju, mampu memberikan pulangan tinggi dengan risiko pelaburan yang terkawal. *Untuk memastikan aliran perolehan yang terjamin, pelaburan TH ditumpukan kepada sektor-sektor yang menguntungkan seperti pembuatan barangan pengguna, perladangan dan perkhidmatan*
3. Sentiasa menilai dan memantau prestasi portfolio-portfolio pelaburan supaya memberikan pulangan yang maksimum. *Portfolio-portfolio pelaburan TH dipantau secara berkala. Kedudukan dan prestasi*

pelaburan TH dibentangkan dalam mesyuarat ^{kyuALaPY -P} Portfolio Review
Committee, Mesyuarat Panel

*i-elahui'at! (Join i^esyuaini L,vtfibc>ua
dilakuk&rt pangubahauaian, jika perlu.*

uiiujk diniinl ban

- 4, Meneroka peluang-peluang peiaburan barn sama ada dalsrn dan luar neyara yangfj rnesiapati kriteria p^laburar! *TTT. Antara pafabiiran-pelabarart ham adalah di dajam > isna akuif.f persendirian [private equity) dan fa^mhalfen Hartanah di Mekah dan Madinah.*
5. Mempertingkat dan memperkemaskan kaedah pelaburan agar seiring dengan amalan terbaik industri.

Sekian, lerima kasih

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

DARIPADA DATO' SERI ANWAR BIN IBRAHIM
[PERMATANG PAUH]

PERTANYAAN LISAN

01.11.2010

TARIKH

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim (Permatang Pauh) minta
MENTERI KEWANGAN menyatakan jaringan keselamatan
sosial yang telah dilaksanakan untuk menangani tekanan kesempitan
hidup golongan berpendapatan rendah akibat kenaikan harga barangan
keperluan asas berikutan penarikan subsidi petrol dan barangan asas
lainnya. Berapakan jumlah peningkatan pendapatan negara hasil
penarikan subsidi ini.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan sentiasa prihatin dan
memberi tumpuan bagi memastikan rakyat mendapat pembelaan yang
sewajarnya terutama golongan yang berpendapatan rendah, termasuk
orang kurang upaya (OKU), warga emas dan ibu tunggal. Dalam
melaksanakan penstrukturan semula subsidi, Kerajaan perlu mengambil
pendekatan yang dapat menjamin kesejahteraan rakyat dalam jangka
panjang di samping memastikan rakyat terus menikmati jaringan
keselamatan sosial yang baik.

Antsra program jaringan ke^eeamatan vosEaE tersebut adafahi bantr san yang dihulurkan kepada penerima berdasarkam senarai tiama dalam sistem maklumst kemiskinan bersepsdu atau e-Kasih.

Tuan Vang Di pfttua,

F:asionalisasi subsidi yang telah difaksanakan malalui kenaikan harya petrol dan gula tsiah dapat member! penjimatan sebanyak lebih kurang RM750 juta bagi tahun 2010. Penjimatan tersebut akan digunakan sebaik mungkin untuk membiayai program yang dapat dimanfaatkan oleh rakyat seperti mempertingkatkan lags perkhidmatan pendidikan, kesihatan dan pembangunan komuniti.

Soalan No : 19

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

| | |
|-------------------|--|
| PERTANYAAN | LISAN |
| DARI PAD A | Y.B. DATO' SERI HAJI AZMI BIN KHALID (PADANG BESAR) |
| TARIKH | 01.11.2010 |

SOALAN:

Y.B. DATO' SERI HAJI AZMI BIN KHALID [PADANG BESAR] minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada Kementerian akan merangka satu dasar jangka panjang yang konkrit untuk memastikan anak-anak Malaysia memasuki sekolah satu aliran demi mewujudkan Bangsa 1 Malaysia yang lebih erat daripada generasi masa kini, dengan menggabungkan semua ciri-ciri yang terbaik dalam sistem berbagai aliran masa kini.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) berpandangan idea untuk menyeragamkan sistem persekolahan dengan cadangan memperkenalkan sistem pendidikan satu aliran memerlukan perbincangan yang lebih khusus dan terperinci serta perlu mendapat pandangan dan persetujuan daripada pelbagai pihak. Namun begitu, KPM sentiasa prihatin dalam usaha memupuk perpaduan antara kaum melalui pelbagai strategi yang telah dan sedang dijalankan oleh pihak KPM.

sjMum

IPEiBERITAHUAM PERIAMYAAM DEWAM RARYAI, MALAYSIA

: TUAM iYHAUD E»J *ABDUL SAHAID*
[*SHAH ALAM*]

FERTAMYAAM : U8AW

YARSKR : @1=11=201®

Iyaoi DCSiiaiid boei AMyfl Samad | ShaGi Alaro] minta C1EWTER1
f}CEWANOAW menyaiakan rasiona! di sebalik pembayaran 'bonus'
sebanyak RM500 kepada setiap kakitangan Kerajaan Persekutuan dan
pesara setelah bam sahaja mengurangkan subsidi barang keperluan
rakyat atas alasan ingin mengurangkan defisit dan rasionalisasi subsidi.

JAWAPAM“

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makiuman Yang Berhormat, pemberian bantuan khas kewangan
kepada anggota perkhidmatan a warn persekutuan serta
pesara dan penerima pencen Kerajaan dibuat atas dasar keprihatinan
Kerajaan terhadap kebajikan golongan tersebut. Bantuan khas
kewangan kali pertama sebanyak RM500 yang dibuat pada penghujung
Ogos 2010 yang ialu bertujuan meringankan be ban kos persediaan
menyambut Hari Raya Aidil Fitrh Jumlah anggaran perbelanjaan yang
terlibat bagi pembayaran bantuan khas

|

kewangan kali pertama ini adalah sebanyak RM934.6 juta membabitkan
1.243 juta penjawat awam serta 590 ribu pesara dan penerima pencen

Kerajaan.

2. Pemberian bantuan khas kewangan kedua sebanyak RM500 yang diumumkan dalam pembentangan bajet 2011 baru-baru ini pula bertujuan meringankan beban penjawat awam untuk menampung perbelanjaan persiapan persekolahan. Pembayaran yang akan dibuat pada bulan Disember 2010 ini dijangka memberikan implikasi kewangan yang hampir sama dengan jumlah pemberian bantuan khas kewangan kali pertama.

3. Untuk makluman Yang Berhormat, langkah rasionalisasi subsidi bertujuan memastikan pemberian subsidi, insentif dan bantuan Kerajaan lebih terjurus kepada kumpulan sasaran yang telah ditetapkan dan memberi impak yang lebih berkesan. Program rasionalisasi subsidi setakat ini hanya melibatkan dua barangan sahaja iaitu bahan api dan gula yang berkuat kuasa mulai 16 Julai 2010. Ia bertujuan mengurangkan pengaliran subsidi kepada pihak yang tidak layak seperti warga asing dan rakyat berpendapatan tinggi, mengelakkan penggunaan berlebihan di samping mengekang aktiviti penyeludupan bahan-bahan tersebut. Rasionalisasi subsidi membolehkan lebih banyak perbelanjaan disediakan kepada sektor lebih penting seperti pendidikan dan kesihatan serta membantu meningkatkan persaingan ekonomi dengan mengurangkan herotan dalam dagangan.

4. Untuk makluman Yang Berhormat, rasionalisasi subsidi adalah salah satu langkah untuk mengawal defisit. Terdapat langkah lain yang telah dan *aizm* dilaksanakan termasuk memastikan perbelanjaan secara berhemat untuk mengelakkan pembaziran, mengutamakan *value for money* dan perofehan Kerap.an dibuat seaara lender itntuk mendapatkan harga yang berpaiutan, Aps-apa penfmiatan baleb diqunakan untuk menyediatkan lebilt banyak b-aradatian yano

bipapFban aSab sabyat.

NO. AUM : 18

NO. AUP : X|

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN LISAN
DARIPADA DATUK MD. SIRAT BIN ABU [BUKIT KATIL]
 1 NOVEMBER 2010
TARIKH 3254
RUJUKAN

SOALAN:

Datuk Md. Sirat bin Abu [Bukit Katil] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah tahap perpaduan di negara ini sekarang. Apakah pula tindakan Kerajaan terhadap kumpulan- kumpulan dan media yang semakin berani membakar semangat orang ramai terhadap anti perpaduan, perkauman dan membenci Kerajaan.

Tuan Yang Di Pertua

ocya ?Vf-r'nsir--;p[;H[i Yni'fty f-:adh Ah!! Ycing B^rhcnlicit¹ vary
mengemul:akan soatan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, tahap perpaduan kaum dan masyarakat di negara ini adalah sangat baik dan sentiasa terpelihara.

Bagi menjamin keharmonian kaum, keamanan dan keseSamatan negara ini sentiasa terpelihara, Kementerian Dalam Negeri melalui Polis Diraja Malaysia (FORM) sentiasa melakukan pemantauan dan risikan ke atas aktiviti-aktiviti yang dilakukan oleh mana-mana orang perseorangan, kumpulan ataupun pertubuhan-pertubuhan yang berpotensi menggugat ketenteraman awam dan mencetuskan isu perkauman. Kerajaan sentiasa serius dan tegas mengambil tindakan mengikut undang-undang dan peraturan negara terhadap segala percakapan dan tindak-tanduk mereka yang[”]terbabit yang boleh mengganggu keselamatan dan ketenteraman awam.

Mana-mana orang perseorangan, kumpulan ataupun pertubuhan-pertubuhan yang menimbulkan isu perkauman di talian (*internet*) boleh dikenakan tindakan mengikut Seksyen 211 (1) iaitu larangan terhadap pemberian kandungan jelik atau Seksyen 233 (1) iaitu penggunaan tidak wajar kemudahan rangkaian atau perkhidmatan rangkaian, di bawah

Akta Komunikasi dan Multimedia 1998. Jika sabit kesalahan, seseorang boleh didenda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu (1) tahun atau kedua-duanya sekali dan juga boleh didenda selanjutnya satu (1) ribu ringgit bagi setiap hari kesalahan itu diteruskan selepas pensabitan.

Sungguhpun begitu, tidak semua tindakan atau percakapan atau perlakuan yang dibuat oleh mana-mana orang perseorangan, kumpulan ataupun pertubuhan-pertubuhan boleh diambil tindakan mengikut Akta Hasutan 1948, walaupun terdapat kecenderungan menghasut. Namun, pihak polis juga boleh mengambil tindakan di bawah Seksyen 504 Kanun Keseksaan (Akta 574) atas kesalahan dengan sengaja mengaibkan dengan niat hendak membangkitkan pecah JmaiTtanafi./^ang^flMffibawa hukurrean penjara dua (2) tshun aiau denda alsu k^dua- duanya s&kGIL

B'ot)S media ^eiak. pu!s, iirtindakan yaap boleh diamhd ferhadap maisa- mana cddibar ataa majaiiah yang didoipa'Ei itianviarkra i lap*^>jaaHiapofah dan renuarta-reneana yang menyaiahi undang-undang negara sehingga boleh menjejaskan ketenteraman awarn dan mengancam keselamatan negara, adalah tindakan sepertimana yang diperuntukan di bawah Akta

Mesin Cetak dan Penerbitan (AMCP) 1984.

Antara tindakan yang boleh diambil adalah:-

- a) memberi nasihat, teguran dan amaran secara bersurat;
- b) memberi sura! tunjuk sebab; dan
- c) menggantung atau membatalkan permit penerbitan akhbar berkenaan.

SJ.B/(35)

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

DARIPADA : DR. LEE BOON CHYE

[GOPENG]

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 01.11.2010

Dr. Lee Boon Chye [Gopeng] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah dan jenis subsidi yang ditanggung oleh Kerajaan.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, jumlah subsidi/insentif/bantuan yang disediakan oleh Kerajaan bagi tahun 2010 (setakat Oktober 2010) adalah berjumlah RM24.9 bilion. Daripada jumlah tersebut, sebanyak RM14.88 bilion adalah untuk subsidi, RM9.43 bilion untuk bantuan dan RM628.50

juta untuk insentif.

2. Secara umumnya, subsidi merupakan peruntukan Kerajaan bagi membiayai sebahagian daripada kos barangan keperluan, pengangkutan dan pembiayaan/pinjaman yang membolehkan rakyat mendapatkan barangan atau perkhidmatan tersebut pada harga atau kadar yang lebih rendah. Contoh subsidi adalah subsidi bahan api,

subsidi padi dan beras, Subsidi Perbezaan Padar Faedah dan subsidi barangan keperluan seperti gula, tepung gandum dan minyak masak.

3. Bantuan pula merujuk kepada pelbagai program bantuan, sara-sara dan gajit yang dibiayai oleh kerajaan kepada kumpulan sasaran tertentu seperti pelajar sekolah, golongan miskin, Orang Kurang Upaya (OKU) dan sebagainya. Contoh bantuan adalah biasiswa, Program Bantuan Pelajar Sekolah dan Kanak- Kanak Prasekolah seperti Bantuan Makanan Asrama, Rancangan Makanan Tambahan dan Bantuan Makanan Prasekolah, Bantuan Keluarga Miskin dan Bantuan OKU.

4. Manakala insentif pula merupakan pemberian Kerajaan kepada pengusaha kegiatan ekonomi terpilih yang antara lain bertujuan menggalakkan mereka meningkatkan hasil pengeluaran masing-masing. Contoh insentif adalah Insentif Pengeluaran/Peningkatan Hasil Padi, Insentif Nelayan/Tangkapan Ikan dan Bayaran Kepada Pemilik dan Pekerja Vessel.

5. Bagi tahun 2010, sejumlah RM24.9 bilion disediakan dengan komponen peruntukan terbesar mengikut jenis subsidi/insentif/bantuan seperti berikut:

| Bil | Subsidi/Insentif/Bantuan | Peruntukan |
|-----|----------------------------------|----------------|
| 1. | Subsidi Gas Cecair, Gas & Petrol | |
| 2. | Biasiswa | RM 1.18 bilion |
| 3. | Program Bantuan Pelajar Sekolah | |
| 4. | Subsidi Perbezaan Kadar Faedah | RM 1.18 bilion |

| Bil. | Subsidi/Insentif/Bantuan | Peruntukan |
|------|--|------------|
| 5. | Subsidi Skim Penstabilan Minyak Masak | RM828 juta |
| 6. | Subsidi Gula | RM790 juta |
| 7. | Subsidi Harga Padi | RM448 juta |
| 8. | Pampasan Tol | RM394 juta |
| 9. | Subsidi Harga Beras (ST15) | RM338 juta |
| 10. | Bantuan Pelajar Bagi Persediaan Ke IPT | RM294 juta |

PEMBERJAJAH PERTAMAAM DEMAMIRAKYAT

PERTAMAAM i U8AD

DARI;PADA. : Y.B. PUAM TAM AM! EiHSG
(APLAIAY P AT AH)

TAPJKN : 01.11.201 Q

SOALAN:

Y.B. PUAM TAN AH ENG [GELANG PATAH 3 minta Menteri Pelajaran menyatakan

- (a) jumlah peruntukan Kementerian dalam RMK-9 untuk membina sekolah baru SK, SJKC dan SJKT ; dan
- (b) langkah-langkah Kementerian untuk menyelesaikan masalah tapak sekolah SJKT Gelang Patah di mana sekolah tersebut telah dibina di atas tanah sementara.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

- a) Dalam Rancangan Malaysia Ke-9 (RMKe-9) Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) telah memperuntukkan sejumlah RM9.18 bilion untuk pembangunan SK, SJKC, SJKT dan SMK. Kerajaan juga telah memperuntukkan sebanyak RM100 juta untuk disalurkan kepada semua Sekolah Bantuan Kerajaan (SBK) yang terdiri daripada Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC), Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT), Sekolah Mubaligh dan Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK). Di samping itu, peruntukan sebanyak RM200 juta telah disediakan di bawah

Soalst'Ei S';C/' : 23

Pakej Rangsangan Ekonomi Pertama Tahun 2009 bagi empat jenis SBK yang terdiri daripada RM50 juta kepada SJKC, RM50 juta kepada SJKT,

RM50 juta kepada sekolah mubaligh dan RM50 juta kepada SABK. Manakala dalam Pakej Rangsangan Ekonomi Kedua pula, peruntukan pembangunan yang diluluskan bagi sekolah bantuan kerajaan adalah berjumlah RM423.28 juta.

- b) KPM sentiasa berusaha meningkatkan pembangunan pendidikan dalam memastikan pembangunan modal insan lebih berkesan tanpa mengamalkan diskriminasi ke atas mana-mana jenis sekolah. Namun begitu, bagi sekolah bantuan kerajaan seperti SJKT Gelang Patah, urusan perolehan tapak dan urusan-urusan yang berkaitan adalah di bawah tanggungjawab Lembaga Pengelola Sekolah (LPS) sekolah berkenaan.

NO *Mm* :5
%

PEMBERIAHUAM PERTAMYAAM BAGS JAWAB LISAN
GEWAR RARYAT

PERTAINYAAR

DARE PADA *us/m*
TUAN SSVARA8A A/L ICRA SiAiH [SUBAMG]

TARDKH 1 NOVEMBER 2010

RUJURAW 3051

SOALAN:

Tuaoi Sivarasa A/L R.Rasih [Subaog | minta E1ENTERI DALAS!
NEGERI menyatakan kenapa dalam jawapan kepada soalan 135 pada
mesyuaraf yang lepas, hanya 59 kes inkues didaftarkan manakala
daripada tahun 2000-2009, 141 kes kematian dalam tahanan polis telah
berlaku di mana inkues adalah wajib.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Subang yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan dewan yang mulia ini, sebilangan kes kematian dalam lokap masih belum didaftarkan untuk inkues adalah disebabkan ianya masih lagi dalam rujukan Timbalan Pendakwaraya. Manakala Majistret mempunyai kuasa untuk menjalankan inkues bagi sesuatu kes kematian dalam tahanan.

SGALANNG'; 25

PEMBERITAMUAN PERTANYAAN BE WAN RAKYAT

PEKIVUARAJA LISAN

i>AFIPAIR: Y.B. DATO' MOHD JIDI'N BIN CHAFEE

T ARIKH: 1 NOVEMBER 2010

SOALAN:

Date' **Mohd Jidin** bin **Shafee** [**Setiun**] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan mengenai fenomena kenaikan kos sara hidup yang tidak setimpal dengan penambahan pendapatan pekerja dan sejauh manakah Kerajaan menilai dan mengambil tindakan terhadap perkembangan tersebut.

PR-1233-L39257

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Dewan Yang Mulia, bagi tempoh tahun 2000 hingga 2009 didapati indeks harga pengguna(IHP) telah meningkat dari 91.7 pada tahun 2000 kepada 112.1 pada tahun 2009. Manakala peningkatan kadar upah tidak mengalami peningkatan yang ketara.
2. Kerajaan telah memutuskanii melalui Model Baru Ekonomi untuk meningkatkan pendapatan per kapita rakyat tempatan daripada US \$ 7,000 setahun kepada US \$ 15,000 setahun menjelang tahun 2020.
3. Bagi memastikan pendapatan pekerja meningkat selaras dengan peningkatan produktiviti, Majlis Konsultansi Gaji Negara akan diwujudkan sebagai platform dalam

penetapan gaji dan pengenalan gaji minimum mulai 2011. Majlis ini akan diwakili oleh majikan, kesatuan pekerja, kumpulan pekerja tanpa persatuan, agensi Kerajaan, ahli akademik dan Badan Bukan Kerajaan (NGO) dan individu. Penubuhan majlis ini dijangkakan akan memberi faedah kepada 3 juta pekerja swasta apabila dilaksanakan kelak.

MO. mm : 27

IMifX A UP ■ Zfi

PE^sBERBTAHUAW PERTAMYAAM BAGI JAWAB *USAM*
DEWAM RAKYAT
USAM

PERTANYAAN

DATO" iBRAHM BIN ALfi [PASIR *MAS*]

DAR1PADA

1 NOVEMBER 2010

TARBKH

3053

SOALAM
RUJUKAM

Date" Ibrahim bin AB5 [Passr *Mas* | minta S1EWTER0 DALAM MEGERS menyatakan apakah Kerajaan bercadang mewujudkan Pasukan Polis Khas dengan jumlah yang besar untuk difempatkan di kawasan bandar-bandar terutamanya di kawasan flat atau rumah pangsa, apartment kos sederhana serfa di kawasan yang mempunyai kepadatan penduduknya yang tinggi bagi memerangi kegiatan jenayah yang semakin meningkat dan kesan daripada isu-isu perkauman yang boleh menjejaskan keamanan dan kesejahteraan rakyat semua kaum.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Pasir Mas yang mengemukakan pertanyaan.

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, setakat ini, Kerajaan tidak bercadang untuk mewujudkan Pasukan Polis Khas untuk ditempatkan di kawasan bandar-bandar terutamanya di kawasan yang mempunyai kepadatan penduduk yang tinggi bagi pencegahan jenayah.

Sebagai usaha untuk memerangi kegiatan jenayah di kawasan-kawasan perumahan, pihak polis sejak sekian lama telah menjalankan aktiviti pencegahan jenayah bersama-sama dengan masyarakat berdasarkan konsep '*community policing*'. Beberapa sesi perjumpaan diantara pihak polis dengan kesatuan-kesatuan penduduk turut diadakan bagi membincangkan isu-isu keselamatan setempat di program Rakan COP.

Selain itu, Balai-balai Polis Komuniti turut diwujudkan sebagai salah satu usaha untuk mempertingkatkan kehadiran pihak polis di

kawasan-kawasan penempatan penduduk sebagai salah satu usaha untuk menangani kejahatan di kawasan-kawasan tersebut lebih efektif.

Sebagai salah satu usaha untuk meningkatkan lagi rondaan di kawasan-kawasan yang sering berlaku kejahatan, pihak polis turut menugaskan seramai 2,009 orang pegawai dan anggota polis, 5 kompeni dan 6 platun Pasukan Gerakan Am (PGA) serta 3 troop Pasukan Simpan Persekutuan (FRU) bagi menjalankan tugas rondaan secara khusus di 8 kontinjen Saitu Kuala Lumpur, Johor, Pulau Pinang, Selangor, Kedah, Perak, Negeri Sembilan dan Melaka. Tambahan pula, anggota-anggota dari kalangan Skatuan Relawan Rakyat (RELA) dan Jabatan Pertahanan Awam Malaysia (JPAM) juga turut digunakan bagi melaksanakan tugas ini. Sehingga 20 September 2010, seramai 4,725 orang dari RELA dan JPAM telah dilantik khusus bagi menjalankan tanggung jawab tersebut.

NO.SOALAN:27

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN LISAN Y.B. TAN SRI DATUK SERI PANGLIMA JOSEPH
PAIRIN KITINGAN [KENINGAU]

DARI PAD A 1 NOVEMBER 2010 (ISNIN)

TARIKH

SOALAN:

Y.B. TAN SRI DATUK SERI PANGLIMA JOSEPH PAIRIN KITINGAN [KENINGAU] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan dasar 1 Malaysia dalam konteks pembangunan sosio-ekonomi masyarakat Bumiputera bukan Melayu (BBM) di negeri Sabah dan Sarawak khususnya untuk menjana penyertaan dan keupayaan mereka dalam bidang pengurusan dan pemilikan ekuiti perniagaan dan perindustrian dalam RMKeIO.

JAWAPAN:

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Konsep 1 Malaysia, Rakyat didahulukan, Pencapaian diutamakan merupakan pengukuhan kepada agenda pembangunan nasional bagi memastikan aspirasi rakyat pelbagai kaum diberi keutamaan dalam proses pembangunan negara. Dalam konteks ini, Kerajaan akan memastikan semua rakyat termasuk masyarakat Bumiputera bukan Melavu mendapat manfaat sewajarnya

2

daripada hasil pembayufian negara seiaras dengan konsep pembangunan inklusif dan matlaniaf nienjadikan negara sebagai sebuah negara maju dan berpendapatan tinggi.

Di bawah Rancangan Malaysia Kecepuh, Kerajaan akan memberi perhatian kepada pelaksanaan pmgrsm dan fninjatEf nntnk meningkatkan akses terutamanya di kalangan golongan isi rumah 40% terendah yang meliputi kurnnulan Bumjputera bukan Meiayu di Sabah dan Sarawak kepada program peningkatan dan pembangunan kapasiti meliputi pendidikan dan latihan termasuk latihan kemahiran, latihan keusahawanan serta latihan bagi meningkatkan kemampuan pengurusan perniagaan serta program motivasi bagi meningkat dan memperkukuhkan kapasiti dan daya saing serta produktiviti mereka dalam aktiviti ekonomi. Penglibatan sektor swasta khususnya di kalangan institusi-institusi latihan swasta yang lebih luas khususnya dalam menyediakan kemudahan latihan yang seiaras dengan keperluan kumpulan sasar tersebut juga akan terus digalakkan untuk memberi peluang yang lebih luas kepada kumpulan sasar berkenaan meningkatkan kemampuan dan keupayaan masing-masing. Bagi memperlengkapkan inisiatif ini, Kerajaan juga akan terus menyediakan kemudahan pinjaman modal di bawah program perniagaan kecil dan kredit mikro, program-program bantuan dalam sektor industri kecil dan sederhana kepada kumpulan sasar yang mempunyai semangat dan bakat keusahawanan

2

untuk memperkembangkan usahaniaga masing-masing.

3

No. SOALAN: 28

DARIPADA
ANYAAN

PE
RT

LISAN

Y.B. TUAN WEE CHOO KEONG [WANGSA MAJU]

TARIKH

1 NOVEMBER 2010 (ISNIN)

SOALAN

Y.B. TUAN WEE CHOO KEONG minta PERDANA

